

NO. SOALAN: 183

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**SOALAN :**

**YB TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah pendapatan bagi sektor pembuatan mengikut negeri sejak 2000 dengan tempoh tahunan dan berapakah peratusan gaji sebenar (*real wages*) buruh tempatan dalam tempoh sama. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengaitkan kenaikan setiap tahun selaras dengan kadar inflasi negara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mengikut negeri dan mengikut sektor mula diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mulai tahun 2005 dan penerbitan terkini merupakan data bagi tahun 2012. Data bagi tahun 2013 akan diterbitkan selewat-lewatnya bulan September 2014, iaitu selepas data KDNK peringkat nasional bagi tahun 2013 dimuktamadkan.

Dalam tempoh 2006-2012, sektor pembuatan negara telah berkembang sebanyak 3.2 peratus setahun dengan jumlah pendapatan benar (dalam harga malar 2005) meningkat daripada RM149.8 bilion pada tahun 2005 kepada RM186.7 bilion pada tahun 2012. Negeri Selangor merupakan penyumbang utama kepada sektor pembuatan negara, iaitu sebanyak 27.9 peratus daripada keseluruhan sektor berkenaan, diikuti oleh Pulau Pinang sebanyak 14.5 peratus, Johor (12.3 peratus), Sarawak (10.9 peratus) dan Negeri Sembilan (7.2 peratus). Dari segi pertumbuhan sektor pembuatan mengikut negeri pula, Perak mencatatkan pertumbuhan paling tinggi dalam tempoh 2006-2012 iaitu sebanyak 4.7 peratus setahun, diikuti oleh Kelantan (4.4 peratus), Selangor (4.2 peratus) dan Negeri Sembilan (3.5 peratus). Dalam tempoh yang sama, sektor pembuatan Pulau Pinang mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 2.6 peratus setahun. Berdasarkan pertumbuhan ini, pendapatan benar bagi sektor

pembuatan Pulau Pinang telah meningkat daripada RM21.2 bilion pada tahun 2005 kepada RM25.4 bilion pada tahun 2012.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan perkembangan ekonomi dalam sektor pembuatan, kadar gaji dan upah pekerja dalam sektor ini juga telah meningkat. Secara purata, gaji dan upah nominal pekerja dalam sektor pembuatan telah meningkat daripada RM1,382 pada tahun 2000 kepada RM2,486 pada tahun 2012 iaitu peningkatan purata 5.0% setahun. Gaji dan upah ini merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk bonus, komisyen, bayaran elaun lebih masa, elaun kos hidup dan elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji. Kenaikan kadar gaji dan upah ini lebih tinggi daripada kadar inflasi tahunan iaitu 2.2% setahun dalam jangkamasa yang sama. Oleh itu, real wages juga telah meningkat dalam tempoh tersebut. Pada masa kini kerajaan belum berhasrat untuk mengaitkan kenaikan gaji berdasarkan kadar inflasi. Walau bagaimanapun, kadar inflasi merupakan sebahagian daripada indikator yang digunakan dalam penetapan gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat terperinci mengenai sektor pembuatan boleh dirujuk melalui laman sesawang DOSM iaitu [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my) ataupun laman sesawang Unit Perancang Ekonomi iaitu [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my).

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG  
[ BAGAN ]**

**SOALAN : 184**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pembinaan semula Tanjung City Marina sebanyak RM 43 juta yang telah pun tenggelam ke laut sejak 2011 kerana reka bentuk yang cacat setelah siap dibina pada 2006, mengapakah tidak ada sebarang tindakan ke atas kontraktor dan bilakah ia akan dibina semula.